

21/10/1999

Peguam Negara terima sapina jadi saksi

KUALA LUMPUR, Rabu - Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah menerima sapina daripada Mahkamah Tinggi untuk dipanggil menjadi saksi Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam perbicaraan kes liwatnya, esok.

Peguam bela Anwar, Karpal Singh, berkata sapina itu diserahkan kepada Mohtar di pejabatnya semalam oleh kakitangan mahkamah.

Beliau berkata, mahkamah mengeluarkan sapina itu pada Isnin lalu selepas dimohon oleh pihaknya.

"Selain Mohtar, mahkamah mengeluarkan sapina terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tetapi belum berjaya diserahkan kepadanya," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Karpal berkata, pembela memohon sapina itu kerana Dr Mahathir dan Mohtar adalah saksi penting dalam perbicaraan itu.

Mahkamah Tinggi menetapkan esok untuk mendengar keterangan membela diri Anwar dan adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja berhubung tuduhan meliwat Azizan Abu Bakar.

Hakim Datuk Ariffin Jaka memerintahkan Anwar dan Sukma Darmawan membela diri pada Isnin lalu selepas mendapati pendakwaraya berjaya membuktikan kesnya mengatasi keraguan munasabah.

Anwar dan Sukma Darmawan memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah dalam kandang saksi.

Pihak pendakwa yang diketuai Mohtar sebelum ini menutup kes mereka pada 20 Ogos lalu.

Pada 20 Ogos lalu, Mohtar memberitahu mahkamah bahawa pendakwa menawarkan 21 saksinya kepada pembela, termasuk Karpal yang dinamakan sebagai saksi ke-21 pendakwa.

Saksi yang ditawarkan kepada pembela ialah adalah Hakim Kanan Mahkamah Sesyen, Lim Yee Lan; Timbalan Pendakwaraya Stanley Augustin; bekas Pengarah Cawangan Khas, Datuk Zulkifli Abdul Rahman; Ketua Polis Daerah Brickfields, Asisten Komisioner Kong Hong Sun.

Asisten Superintendan (ASP) Mohd Rodwan Mohd Yusof; ASP Zulkifli Mohamed; ASP Mazlan Mansor; ASP Wan Ahmad Abas; Cif Inspektor A Rajagopal; Detektif Koperal Razib Mohamed Noh; Detektif Koperal Zaini Mat Piah.

Detektif Koperal Rozlan Yusof; ahli kimia Lim Kong Boon; Peguam Mohamed Noor Don; Ummi Hafilda Ali; Dr Ristina Majid; Manjit Kaur; Alijah Che Lah; Lee Mon Swi dan bekas setiausaha sulit Anwar, Mohd Azmin Ali.

Sepanjang perbicaraan itu, pendakwa memanggil sembilan saksi termasuk bekas Ketua Polis Negara, Tun Mohd Haniff Omar; Hakim Mahkamah Sesyen, Abdul Karim Jalil; Senior Asisten Komisioner 1 Musa Hassan dan mangsa liwat kes itu, Azizan.

Anwar dan Sukma didakwa mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman maksimum penjara 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Sukma Darmawan, 38, yang dihukum penjara enam bulan pada 19 September lalu kerana membenarkan Anwar meliwatnya, didakwa atas tuduhan bersubahat dengan Anwar melakukan persetubuhan luar tabii dengan Azizan.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di unit nombor 10-7-2, Tivoli Villa, Jalan Medan Tanduk, Bangsar, pada satu malam jam 7.45, Mei 1992. Bagi kedua-dua tuduhan itu, Sukma Darmawan didakwa mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Anwar kini menjalani hukuman penjara enam tahun sejak 14 April lalu selepas didapati bersalah atas empat tuduhan melakukan amalan rasuah pada

1997.

(END)